

23 FEB 2001

KTPC-LUAR PESISIR

KTPC SASAR PELANGGAN ANTARABANGSA

Oleh: Kuzaimah Idris & M. Saraswathi

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) - Kulim Technology Park Corporation (KTPC), merancang untuk menawarkan kemahiran dan perkhidmatannya dalam pembangunan taman teknologi tinggi kepada negara-negara Asia Pasifik dalam tempoh terdekat ini.

Pengarah urusan KTPC Ahmad Shukri Tajuddin berkata KTPC akan meneroka peluang-peluang bagi pembangunan taman teknologi tinggi di Filipina, Indonesia, China dan India.

"Ini akan memastikan pertumbuhan syarikat kami. Sebaik sahaja kawasan (Taman Teknologi Tinggi Kulim) dimajukan, kita perlu meneruskannya dan oleh itu kita harus mengembangkan pasaran kita," katanya.

KTPC juga merancang untuk mendapatkan penyenaraian di Papan Utama di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), kata Shukri kepada pemberita yang mengikuti lawatan sehari ke Taman Teknologi Tinggi Kulim (KHTP) di Kedah, pada Khamis lalu.

Beliau berkata KTPC sedang mengusahakan prosedur-prosedur yang perlu bagi penyenaraian di BSKL dan menunggu waktu yang sesuai untuk memasuki pasaran.

"Pasaran semasa tidak begitu memberansangkan," tambahnya.

Hasil daripada tawaran awam permulaan (IPO) akan digunakan untuk membeli lebih banyak tanah, katanya.

Shukri berkata perniagaan syarikat itu tidak terjejas oleh kelembapan ekonomi semasa di Amerika Syarikat kerana ia mengunjurkan peningkatan dalam pelaburan langsung asing (FDI) dalam KHTP.

Beliau berkata pelaburan dalam KHTP dijangka mencatatkan pertumbuhan berganda kepada RM400 juta tahun ini jika rundingan yang sedang berlangsung ketika ini dengan beberapa firma AS dan Jepun membuahkan hasil.

"Kami juga menerima 14 pertanyaan baru dari syarikat-syarikat Korea dan tempatan. Minat terhadap pelaburan masih lagi wujud meskipun terdapat desas-desus penurunan ekonomi AS dan saya yakin kami mampu untuk menarik lebih banyak pelabur," katanya.

Ahmad Shukri berkata KHTP - yang diberi jolokan sebagai "Bandar Sains di Masa Depan" - telah memperuntukkan tapak seluas 400-hektar bagi industri kecil dan sederhana (IKS) agar syarikat-syarikat ini boleh menyokong operasi syarikat-syarikat multinasional yang menjadi penyewa taman itu. Tapak itu dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun ini.

KHTP, taman perindustrian teknologi tinggi pertama di negara ini dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Mac 1996.

Pembangunannya diusahakan oleh KTPC, anak syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah.

Konsep inovatif taman itu dibahagikan kepada tiga fungsi utama - Perindustrian, kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan bandar baru yang dilengkapi dengan segala kemudahan, pusat membeli belah, institusi pendidikan perubatan dan kemudahan rekreasi -- merangkumi kawasan seluas 1,448 hektar di taman itu.

Selain itu, KHTP juga memperuntukkan satu kawasan dalam Fasa 1 Zon Perindustrian Bandar, bagi pembangunan Pusat Teknologi Maklumat dan Pusat Tekno untuk disediakan kepada industri-industri berteknologi tinggi dan juga usahawan tempatan.

Sehingga kini, sejumlah 16 kilang pengeluaran telah memulakan operasi di taman tersebut dan antara syarikat multinasional utama yang berpangkalan

di KHTP adalah Intel, Fuji Electric, Entegris, AIC Semiconductor, Silterra dan Celestica.

Ahmad Shukri berkata: "Kami bermula pada 1994 dan selepas diperbadankan, prestasi kami sangat menggalakkan dan pendapatan kami sering berada dalam aliran meningkat. Dengan keputusan itu, kami telah memuaskan hati pemegang saham kami dan sekaligus menjanjikan masa depan yang baik."

Beliau berkata kadar keuntungan KTPC berkembang sebanyak 20 peratus sejak 1994.

"Kami menggalakkan syarikat-syarikat yang terlibat dalam R & D (Reka Bentuk, penyelidikan dan pembangunan semula)," katanya, sambil menegaskan taman itu bukan bertujuan untuk bersaing dengan Taman Teknologi Malaysia di Bukit Jalil atau Koridor Raya Multimedia (MSC) tetapi sebaliknya memainkan peranan pelengkap kepada inisiatif-inisiatif ini.

Apabila ditanya sama ada terdapat sebarang percanggahan antara MSC dan KTPC, beliau berkata, "Kami tidak ada sebarang konflik dengan MSC, kedua-duanya adalah projek kerajaan yang bertujuan untuk mengukuhkan daya saing Malaysia di peringkat global."

Kedua-duanya mempunyai matlamat dan sasaran yang berbeza, oleh itu tiada sebarang persaingan antara kedua-duanya, kata Shukri.

"Di masa depan kami berharap untuk mempunyai hubungan dengan MSC dan saya rasa ia akan memberi manfaat kepada Malaysia secara keseluruhannya," tambahnya. -- BERNAMA

ZAI SM SD ZK